



## SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA ( Agensi di bawah KPDNHEP )

## Hasnol Zam Zam dilantik Pengerusi SSM

06/04/2020 03:58 PM

**KUALA LUMPUR, 6 April --** Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Pelantikan beliau berkuatkuasa 1 April 2020 sehingga 31 Mac 2022, kata SSM dalam satu kenyataan hari ini.

Hasnol menggantikan Datuk Muez Abdul Aziz yang dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada 1 Februari 2020.

Menurut SSM, watikah pelantikan Hasnol telah diserahkan oleh Menteri KPDNHEP Datuk Alexander Nanta Linggi pada 1 April.

-- BERNAMA

https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1829065